Bil. 1/2021 | Januari | www.library.uitm.edu.my

ISSN : 2735-1920

# IQRA'

Universiti Teknologi MARA | Perpustakaan Tun Abdul Razak

اقْرَأْ

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

uitmlibrary | libraryuitm | libraryuitm | library.uitm.edu.my

m/s 6




m/s 8



m/s 10




m/s 7




m/s 16



Kunjungan Hormat ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik dan Antarabangsa UiTM

Amanat Ketua Pustakawan 2021

Live@PTAR Bicara Tokoh "Cyber Security Malaysia Cyber-SAFE Awareness Talk: "Excuse Me, Your Privacy is Showing"

Majlis Penganugerahan Diploma dan Ijazah UiTM Cawangan Kedah

Projek SDG2 ZEROHUNGER@PTARKABS BIL. 1

Hak Cipta Terpelihara PTAR

*Disediakan oleh : Muslim bin Ismail*

PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS
CAWANGAN KELANTAN




*Sempena menyambut tahun baharu 2021, Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan telah diberi amanah untuk menganjurkan aktiviti kampus iaitu program bercorak kerohanian dan keagamaan bagi memohon perlindungan dari wabak yang sedang melanda. Program ini dimulakan dengan tazkirah oleh Yang Berbahgia Rektor UiTMCK, Prof Madya Dr. Zulkifli Mohamed dengan tajuk 'Pembentukan Sikap'. Satu wacana ilmu juga disediakan bersama Alfadhil Ustaz Dr Mohd Nazri Mohd Zin, selaku Koordinator Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf. Wacana ilmu kelebihan berselawat itu membicarakan definisi, keutamaan, fadilat dan kaifiat selawat ke atas Nabi Muhammmad sallahu alaihi wasalam. Buku-buku selawat PTA dan UiTM Digital Library App juga dipromosikan dalam wacana ilmu ini. Program ini juga adalah sokongan kepada aktiviti Read@UiTM 2021. Kemuncak program ialah acara berselawat dan disudahi dengan solat hajat memohon rahmat dan perlindungan Allah.*

*Untuk menonton semula:*

*Rakaman program ini boleh dilihat di pautan*
https://www.facebook.com/177550368963091/videos/253943539524606
*Atau Imbas Kod QR Di Sebelah*